Utusan Borneo: 07 November 2026

Lelaki warga asing salah guna dadah dipenjara dan diusir

MIRI: Padah menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa, seorang lelaki warga asing dijatuhi hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran ke negara asalnya selepas menjalani hukuman penjara kelak.

Tertuduh, Jamaluddin, 42, dari Indonesia, didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Mengikut kesalahan itu, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun dan sertamerta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang tersenarai di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 4.30 petang, 25 Ogos lalu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry di hadapan Majistret Umi Syukriah Harun, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.